

01 NOV 1999
PANTAI-CAREPLUS
PANTAI LANCAR KAD PERUBATAN CAREPLUS

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Pantai Holdings Bhd hari ini melancarkan Kad Perubatan Careplus dengan sasaran untuk meraih 10,000 pelanggan dalam tempoh 12 bulan yang akan datang.

Pengerusi eksekutifnya Mokhzani Mahathir berkata di majlis pelancaran di sini hari ini bahawa pelanggan Careplus akan mempunyai kemasukan mudah ke lebih 100 hospital, sama ada swasta ataupun kerajaan di seluruh negara.

Kad itu, perkhidmatan baru yang ditawarkan oleh Pantai Group, diuruskan oleh anak syarikatnya Kropl Careplus Sdn Bhd, bernilai RM580 setahun bagi program individu dan RM1,080 setahun bagi program keluarga.

Kad itu akan menyediakan dengan maklumat perubatan penting dan nombor hubungan keluarga terdekat yang memberikan kemasukan serta merta dalam hal kecemasan.

Dengan Careplus, anggota layak mendapat kemudahan talian bantuan perubatan 24 jam dan perkhidmatan pelanggan, pemeriksaan perubatan tahunan, hospital dan pembedahan (keseluruhan had tahunan RM50,000 dan semua perbelanjaan adalah seperti yang dikenakan bayaran).

Pemegang kad juga layak mendapat harga keutamaan radiologi diagnosis, harga keutamaan pemeriksaan kesihatan tambahan, harga keutamaan rawatan khas, diskaun kedai farmasi di farmasi terpilih dan seminar kesihatan.

Semua penghospitalan anggota Careplus dijamin dan ditaja jamin oleh AMI Insurance Bhd.

-- BERNAMA
ZMY ZK MA